

Orang-Orang Persekutuan Tanah Melayu Di Brunei (1950-1963)

SABIHAH OSMAN

PENDAHULUAN

Artikel ini ditulis berdasarkan batasan-batasan tertentu. Walaupun penulis sedar akan wujudnya orang-orang Persekutuan Tanah Melayu (PTM)/Malaya di Brunei sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, tetapi disebabkan oleh batasan-batasan masa dan sumber, maka penulisan ini dihadkan kepada jangka waktu 1950-1963. Kedua-dua faktor masa dan sumber telah menghalang penulis membuat kajian yang lebih terperinci mengenai peranan orang-orang PTM di Brunei. Tambahan pula penulis tidak berkesempatan membuat penyelidikan di Brunei sendiri.

Penulis memilih tahun 1963 sebagai sempadan waktu penulisan ini kerana sempena penubuhan Persekutuan Malaysia yang sekaligus membawa kepada terhentinya penghantaran pegawai-pegawai pinjaman Tanah Melayu ke Brunei setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka. Sungguhpun demikian selepas tarikh itu masih terdapat ramai lagi orang-orang PTM yang bertugas samada sebagai pegawai-pegawai kontrak, persendirian ataupun sebagai guru-guru. Selain dari sumber-sumber berupa buku-buku tulisan D.S. Ranjit Singh,¹ A.V.M. Horton,² *Brunei Annual Report*³ dan tesis-tesis Sabullah Haji Hakip,⁴ Hj. Hashim Hj. Abd. Hamid,⁵ Mohd. Husaini Abdullah⁶ dan Hj Zaini Hj. Ahmad⁷ dari interview,⁸ serta surat-menjurat⁹, penulis banyak bergantung kepada *The Borneo Bulletin*,¹⁰ *Pelita Brunei*,¹¹ serta rencana Sdr. Rahmat Saripan.¹²

Kajian ini ditulis berdasarkan empat tema. Pertama dalam membincangkan orang-orang Persekutuan Tanah Melayu (PTM)/Malaya di Brunei, 1950-1963, latarbelakang sejarah dan pendidikan Brunei tidak boleh diketepikan. Kedua-duanya amat berkaitan dengan kewujudan orang-orang PTM di Brunei. Kedua-duakan faktor latarbelakang sejarah dan pendidikan baik agama maupun 'sekular' telah membawa kepada kedatangan guru-guru dan pegawai-pegawai kontrak dan persendirian ke Brunei sebelum berkuatkuasanya Perlembagaan 1959 dan seterusnya. Ketiga, berikutan dengan pengenalan perlembagaan baru Brunei iaitu Perlembagaan 1959 kerjasama telah dimeterikan diantara Kerajaan Brunei dan PTM bagi meminjamkan pegawai-pegawai kanan PTM dan menghantar guru-guru dan pegawai-pegawai Melayu lain ke Brunei demi membantu pembangunan pentadbiran Brunei yang baru mencapai taraf berkerjaan sendiri dalam negeri. Keempat, sehubungan dengan kerjasama diantara kerajaan ini, Kerajaan PTM telah membantu Brunei menubuhkan pasukan tentera Melayu Brunei di bawah pimpinan Lieut. Col. Tengku Ahmad b. Tengku Besar

Burhanuddin dari PTM.¹³ Selain menyumbangkan tenaga dalam penubuhan regimen Melayu Brunei, pegawai-pegawai polis Malaya terus diperbantukan dalam pasukan polis yang telah sedia ada di Seria-Belait.

KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI

Sebagaimana halnya dengan negeri-negeri Melayu sejak akhir abad ke-19, dengan pengenalan sistem Residen di Brunei pada awal abad ke-20, negeri Brunei telah diperintah oleh seorang Sultan yang mengikut nasihat Residen British dalam semua hal ehwal pentadbiran kecuali dalam bidang agama dan adat. Manakala sistem hal ehwal luar negeri adalah menjadi tanggungjawab British. Pentadbiran British di Brunei mulai kukuh pada akhir tahun 1909. Mulai saat ini sistem pentadbiran berubah mengikut corak dan rentak pentadbiran British. Sungguhpun institusi-institusi dan pegawai-pegawai tradisionalnya dikekalkan tetapi institusi-institusi itu kehilangan kuasa dan fungsi asalnya.

Kedudukan politik Brunei sebagai negeri naungan yang diperintah oleh Residen British mula menyerlah perubahan ke arah permodenan apabila DYMM Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin walaupun adul Khairi Waddin menaiki takhta kerajaan Brunei pada 6hb. Jun 1950 sebagai Sultan Brunei yang ke-28.

Sultan Omar Ali Saifuddin III selaku sultan dan pemerintah telah menggerakkan daya usaha ke arah Brunei bekerajaan sendiri dengan memperkenalkan perlombagaan bertulis kepada Brunei. Di pihak British pula mereka sibuk mengutarakan idea Persekutuan Borneo iaitu penyatuan negeri-negeri Brunei Sarawak dan Sabah. Sebenarnya idea ini sudah lama disarankan, sejak Lord Brassey mencadangkannya pada akhir abad ke-19, diikuti dengan cadangan Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Brunei Sir Cecil Clementi pada tahun 1930-an.

Pada tahun 1953 idea ini sekali lagi dikemukakan, melalui Pesuruhjaya British di Asia Tenggara Malcolm MacDonald. Walaupun cadangan ini dianggap baik untuk kepentingan kerjasama diantara ketiga-tiga wilayah British itu, namun Sultan Brunei menolak saranan tersebut. Sultan berpendapat idea itu tidak sesuai bagi Brunei kerana baginda telah mempunyai cita-citanya tersendiri. Tambahan pula baginda memikirkan status Brunei sebagai sebuah negara lindungan adalah berbeza dengan kedudukan Sarawak dan Sabah sebagai tanah jajahan British. Seawal-awal tahun 1953 Sultan telah mengumumkan hasratnya untuk mengurniakan satu perlombagaan kepada Brunei. Sebagai Sultan dan pemerintah baginda mempunyai kesedaran terhadap bertapa pentingnya sebuah kerajaan sendiri dinikmati oleh Brunei.

Untuk memulakan langkah ke arah berkerajaan sendiri dan seterusnya kemerdekaan negara, Sultan telah menubuhkan Majlis Penasihat Daerah pada tahun 1953 di keempat-empat daerah Belait, Tutong, Temburong dan Brunei/Muara. Majlis Daerah Brunei/Muara mengandungi 40 orang ahli yang dilantik oleh Sultan, Belait, 24 orang, Tutong 20 orang dan Temburong 12 orang anggota.

Tiap-tiap Majlis Daerah akan memilih diantara ahli-ahlinya seorang atau lebih pemerhati ke Majlis Mesyuarat Negeri. Majlis Mesyuarat Negeri pula mempunyai ahli seramai 180 orang, termasuk Residen British, tiga ahli dari Brunei Muara, dua dari Belait dan masing-masing satu ahli dari Tutong dan Temburong. Sultan dilantik sebagai pengurus Majlis.

Sehingga tahun 1956 tidak terdapat parti politik yang wujud di Brunei bagi menyalurkan pandangan dan masalah-masalah yang dihadapi rakyat kecuali dalam Majlis-Majlis daerah dan Majlis Negeri. Tetapi dengan lahirnya Parti Rakyat Brunei (PRB) pimpinan A.M. Azahari rakyat Brunei berharap suara mereka akan dapat didengar dengan lantang dalam Majlis Negeri. Lebih-lebih lagi pada peringkat permulaan perjuangan Parti Rakyat Brunei adalah selaras dengan dasar kerajaan Maulana Sultan bagi menggembeling tenaga bersama ke arah bekerajaan sendiri. Parti ini lahir dari kesedaran nasionalisme yang dibawa oleh BARIP, APB dan MUTU disamping pengaruh gerakan nasionalisme di Tanah Melayu dan Indonesia. Ketua parti A.M. Azahari begitu terpengaruh dengan gerakan kebangsaan dan kemerdekaan Indonesia yang revolusioner. Tambahan pula beliau sendiri pernah tinggal dan belajar di Bongor, Indonesia pada masa Perang Dunia Kedua. Pengalamannya di Indonesia mengajar dan mempengaruhi beliau begitu rupa sehingga beliau tidak sedar bahawa idea yang revolusioner untuk mencapai kemerdekaan yang dibawanya dari Indonesia itu kurang sesuai dengan suasana politik yang 'moderate' yang selama ini cuba dibawa oleh Maulana Sultan sendiri.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

Dalam bidang pendidikan, sekolah Melayu pertama dibuka pada tahun 1913. Sekolah ini dibuka oleh seorang guru Melayu dan khusus untuk pelajar-pelajar lelaki di bandar Brunei. Usahanya ini telah mendapat perhatian kerajaan dan sokongan telah diberikan kepada pelajaran vernakular Melayu. Pada peringkat permulaan iaitu pada tahun 1926 terdapat sebanyak lima buah saja sekolah Melayu. Sekolah Inggeris kerajaan dibuka pada tahun 1932 manakala sekolah perempuan pertama didirikan pada tahun 1930 di Bandar Brunei tapi terpaksa ditutup kerana ketiadaan guru. Oleh sebab di Brunei tidak ada maktab latihan perguruan, maka calon-calon guru dihantar berlatih di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim mulai tahun 1924. Mulai tahun 1931 putera-putera Sultan dihantar belajarni di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Selaras dengan perkembangan ekonomi, maka bilangan sekolah juga meningkat. Dari jumlah sebuah sekolah pada tahun 1913 bertambah menjadi 21 pada tahun 1938 dengan pelajar seramai 1,810 orang. Sekolah Inggeris persendirian mula dibuka pada tahun 1932 oleh Synott, Chaplin Daerah Belait. Sekolah persendirian Inggeris ini bertambah menjadi tiga buah menjelang Perang Dunia Kedua. Perkembangan pelajaran berikutnya terbantut dengan meletusnya Perang Pasifik 1941. Walau bagaimanapun kemajuan pendidikan hanya berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III.

Di bawah teraju kepimpinannya baginda bukan saja menitikberatkan kemajuan pentadbiran/perlembagaan malahan juga pendidikan rakyat. Rancangan kemajuan pendidikan telah dimulakan pada tahun 1954. Baginda sedar tanpa pendidikan yang baik taraf pemikiran rakyat tidak mungkin dapat ditingkatkan. Sehingga tahun 1960 jumlah pelajar disemua sekolah rendah di Brunei bertambah dari 1673 pada tahun 1960 manakala jumlah pelajar di sekolah-sekolah menengah meningkat dari 439 pada tahun 1958 kepada 1,171 pada tahun 1960 dan 1980.¹⁴ Selain itu mulai tahun 1958 seramai 23 orang pelajar mencuba nasib memasuki peperiksaan *Cambridge School Certificate*. Untuk mengejar kepesatan perkembangan pendidikan semasa maka baginda telah berusaha mendapatkan sumber-sumber yang sesuai bagi memajukan pendidikan di Brunei. Untuk menampung kekurangan tenaga pendidik sekolah menengah yang sesuai di Brunei misalnya, baginda telah membawa masuk ramai guru-guru dari PTM, Ceylon, India dan Singapura. Pengambilan guru-guru ini pesat berjalan pada tahun 1950-an.¹⁵ Setelah lima tahun rancangan ini dilaksanakan kelihatan hasilnya yang memuaskan. Sehingga tahun 1959 terdapat 16 orang guru dari PTM yang berkelulusan Kirby England mengajar di tingkatan Lima dan VI di Brunei. Selain daripada mendatangkan guru-guru dari PTM Brunei juga mengambil langkah untuk melatih bakal guru dari kalangan orang-orang Brunei sendiri. Untuk tujuan ini Brunei telah menghantar calon-calon guru ke Maktab-maktab perguruan di Tanah Melayu. Penghantaran pelatih-pelatih guru tahun 1958 tentera seperti berikut:

Tahun 1958

Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)	4
Maktab Perempuan Melayu Melaka (MWTC)	1
Maktab Kent (Sabah)	12
Maktab Perguruan Singapura	1
Maktab Perguruan Sibu (Sarawak)	4
Maktab Perguruan Kelantan	11
Kirby (England)	8

Tahun 1960: Bilangan pelatih-pelatih meningkat

Maktab Perguruan Kota Bharu	32
Sekolah Tuanku Abd. Rahman	16
Maktab Kent	6
Sekolah AlJunid Singapura	20
Maktab Islam Klang	5
Maktab Kirby	6
Maktab Perguruan Bahasa	2

Sumber: *State of Brunei Annual Report 1958, 59, 1960.*

Bagi meningkatkan lagi taraf latihan guru maka pada tahun 1961 seramai lima orang guru Brunei dihantar berlatih ke Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA

Berhubung dengan bidang pendidikan agama pula Sultan Brunei sangat mengambil berat untuk memajukan bidang ini. Baginda sedar sebagai sebuah negeri Islam, Brunei seharusnya mengembang dan meninggikan taraf pendidikan rakyat yang kebanyakannya beragama Islam. Langkah ini diambil selaras dengan kandungan Perlembagaan baru yang dituntut oleh Sultan. Perlembagaan 1959 ini menyebut bahawa kedudukan agama Islam termaktub sebagai agama rasmi, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan juga.¹⁶ Sebagai persediaan memantapkan kedudukan agama Islam itu maka Sultan bukan saja menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam tetapi juga merancang untuk membangunkan Sekolah agama dan Arab pada tahun 1954. Untuk menjayakan usaha ini kerajaan Brunei melalui Kadhi Besarnya telah berpaling ke negeri Johor bagi mendapatkan nasihat dan bantuan. Pada peringkat ini khususnya dalam bidang agama Islam Brunei amat menghormati dan mempunyai keyakinan terhadap sistem pendidikan agama di Johor. Ini terbukti dengan permintaan Brunei melalui surat Kadhi Besarnya kepada Mufti Johor untuk mendapatkan dua orang pegawai agama Johor bagi meninjau kemungkinan menubuhkan sekolah agama di Brunei pada bulan Ogos tahun 1954. Dua orang pegawai agama yang dihantar ke Brunei itu ialah Tuan Haji Othman b. Hj. Muhammad Said, pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor dan Tuan Haji Ismail b. Omar Abdul Aziz, Kadhi daerah Segamat (kini YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama Hj. Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam). Hasil daripada perhatian lawatan di Brunei itu kedua-dua orang pegawai itu mencadangkan penubuhan sekolah-sekolah agama dan Arab di Brunei. Pelajaran agama hendaklah diajar di sekolah-sekolah Melayu disebelah petang seperti mana diadakan di negeri Johor. Sukatan pelajaran dan kitab-kitab sekolah menggunakan sukanan pelajaran dan kitab-kitab pelajaran agama negeri Johor.

Ekoran daripada laporan tinjauan itu maka sekolah-sekolah agama kerajaan Brunei pun ditubuhkan pada tahun 1956. Tuan Hj. Othman bin Muhammad Said dilantik menjadi Penyusun dan Pengelola sekolah-sekolah itu. Buat permulaan guru-guru agama diambil dari Johor juga seperti yang tertera dari keputusan lawatan Y.B. Pehin Dato Perdana Menteri ke Johor bagi memilih calon-calon guru agama di Brunei. Temuduga telah diadakan pada 24 hingga 26 Mac 1956. Daripada 17 orang yang hadir temuduga hanya lapan orang saja terpilih. Mereka yang berjaya telah menjalani latihan asas sebelum dihantar ke Brunei. Mulai tahun itu jumlah guru-guru PTM yang berkhidmat di Brunei semakin bertambah. Ada diantara mereka yang kembali selepas tamat perkhidmatan dan ada yang terus menetap di Brunei.

Selain daripada memberi sumbangan tenaga pengajar seperti yang dikehendaki oleh perancangan pembangunan sekolah-sekolah Agama Brunei, pihak perancang juga mengadakan program persediaan melatih pelajar-pelajar tempatan menjadi guru-guru agama. Menurut rencananya murid-murid yang sedang belajar dalam darjah enam dikehendaki melanjutkan pelajaran pada hari Sabtu tiap-tiap minggu untuk mempelajari ilmu perguruan dalam kelas yang dikenali sebagai darjah pelatih atau 'darjah khas'. Pelajaran tambahan ini membolehkan calon-calon diserapkan sebagai guru-guru agama terlatih setelah lulus dalam semua peperiksaan dengan baik. Dengan adanya perancangan yang demikian Brunei tidak perlu bergantung terus kepada guru-guru agama dari PTM terutamanya dari Johor. Perancangan yang demikian sekaligus dapat menjimatkan tenaga serta meningkatkan pengetahuan pendidikan agama di Brunei.¹⁷

Oleh sebab kerajaan DYMM Sultan memandang tinggi tingkat pelajaran agama di negeri-negeri Melayu khususnya negeri Johor, maka disamping mendapatkan tenaga guru-guru agama Kerajaan Brunei juga menerima tenaga pegawai-pegawaiannya juga. Misalnya, Tuan Hj. Othman b. Muhammad Said diambil berkhidmat sebagai Penyusun dan Pengelola Sekolah-sekolah agama Brunei dan Tuan Hj. Ismail b. Omar Abd. Aziz telah dipinjamkan ke Brunei sebagai Mufti Kerajaan Brunei selama tiga tahun, mulai tahun 1962. Kontrak perkhidmatan beliau sebagai Mufti di Brunei diperpanjangkan sekembali beliau dari Johor pada tahun 1967 hingga kini.¹⁸

KE ARAH NEGARA BERPERLEMBAGAAN

Setelah pendidikan Brunei mencapai tahap yang memuaskan lebih-lebih lagi selepas ramai anak watannya mendapat pendidikan yang tinggi dan terlatih dalam bidang-bidang tertentu maka pentadbiran dan latihan pendidikan telah diambil alih oleh orang-orang Brunei sendiri. Perkhidmatan guru-guru dari PTM itu hanyalah sebagai sumbangan perkhidmatan ke arah membangunkan negara Brunei setaraf dengan kedudukannya yang akan menjadi sebuah negara yang berpemerintahan sendiri dalam negeri. Sebagai permulaan ke arah pembentukan Perlembagaan bertulis 1959, sebuah Majlis Negeri dibentuk pada 14 Mac 1969 sebelum Sultan berangkat ke London bagi membincangkan penggubalan Perlembagaan selanjutnya. Setelah dikaji dan diteliti rang undang-undang perlembagaan maka pada 29 Sept. 1959, Sultan telah mengisytiharkan satu Perlembagaan baru dengan rasmi. Seorang Pesuruhjaya Tinggi khusus bagi Brunei dilantik bagi menggantikan tempat Gabenor Sarawak yang dulunya menjadi Pesuruhjaya Tinggi Brunei berkuasa menasihati kerajaan dalam semua perkara kecuali agama dan adat istiadat. Di bawah perjanjian baru ini yang ditandatangani diantara Great Britain dan Brunei ini atau dikenali sebagai 'Brunei Agreement' Britain akan memberi kerajaan bersendiridalam negeri dan Perjanjian 1906 ditarik balik. British walau bagaimanapun mengekalkan batas

kekuasaan ke atas hal ehwal luar Brunei, pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Jawatan Residen dihapuskan dan sebagai ganti seorang Pesuruhjaya Tinggi dilantik bagi memberi nasihat kepada Sultan dan kerajaannya.¹⁹

Selaras dengan dasarnya untuk memandu Brunei ke arah berkerajaan sendiri Baginda Sultan telah menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan kerajaan PTM bagi mendapatkan bantuan kepakaran dalam pentadbiran dan undang-undang selepas Perjanjian tahun 1948 dengan Kerajaan Sarawak termansuh berikutnya dengan Pengisytiharan Perlembagaan 1959.²⁰ Perajian 1948 dibuat bagi mengatasi kesulitan kerajaan Brunei hendak mendapatkan pegawai-pegawai tadbirnya. Seramai 25 orang pegawai Sarawak terlibat. Mereka ini sama ada akan diberi gantirugi, ditarik balik atau diberi berkhidmat terus di Brunei. Dalam Perjanjian 1948 itu Brunei meminta Sarawak meminjamkan atau melepaskan pegawai-pegawai yang dikehendaki dalam pentadbiran negeri Brunei tetapi kini selepas pemasyhuran perlembagaan 1959 Brunei meminta agar kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula memberi kerjasama meminjamkan pegawai-pegawai termasuk pegawai-pegawai kanan berkhidmat di Brunei.

Oleh sebab Sultan berpendapat Brunei bukanlah sebuah tanah jajahan, maka adalah penting bagi Brunei memelihara kedudukan yang unik itu supaya negeri tersebut akan menjadi bertambah maju. Sultan tidak berapa senang dengan idea Persekutuan jajahan British Borneo yang begitu ditekankan semula. Cadangan penyatuan kini dibawa pula oleh kedua Gabenor Sarawak dan Borneo Utara. Malahan pada bulan Februari 1958 kedua-dua Gabenor mengumumkan rancangan persatuan yang lebih konkrit. Cadangan ini mendapat sambutan yang baik dikalangan pegawai-pegawai di Sarawak dan Borneo Utara dan sokongan umum daripada kumpulan politik tertentu di Brunei. Bagaimanapun reaksinya berbeza. Kerajaan Brunei menolak samasekali cadangan persekutuan tapi PRB menyokong kuat cadangan itu. Walaupun Pesuruhjaya Agung British bagi Asia Tenggara dalam persidangan kewilayahannya ke IX yang diadakan di Brunei pada tahun 1958 mengatakan persidangan itu menunjuk jalan ke arah persatuan politik yang lebih rapat tetapi bagi Sultan Persidangan itu tidak bermakna. Apatah lagi Sultan mengingatkan rakyat bahawa Brunei bukanlah sebuah koloni. Justeru itu adalah penting bagi Brunei memelihara kedudukan negerinya yang unik itu dengan sabar.²¹

Berikutnya dengan itu pada bulan Oktober 1958, Sultan Brunei telah memperkenalkan unsur baru dalam arena politik Brunei. Unsur yang dimaksudkan ialah isu percantuman Tanah Melayu (Malaya) dan Brunei. Isu ini dibayangkan oleh baginda Sultan sendiri dalam temubual baginda dengan *The Straits Times* 20hb. Oktober, 1958. Baginda merujuk kepada hubungan yang rapat di antara Brunei dan Tanah Melayu. Baginda menyatakan bahawa kebanyakan orang-orang Brunei yang berpendidikan lebih suka hubungan yang rapat dengan Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan. Baginda berpendapat golongan orang-orang Brunei ini menentang persekutuan dengan tanah jajahan British Borneo iaitu Sarawak dan Borneo Utara. Pada pendapat

Baginda kebanyakannya orang-orang Brunei percaya persekutuan bagi ketiga-tiga wilayah British Borneo itu akan melambatkan pencapaian kemerdekaan bagi Brunei, manakala kekayaan Brunei akan terus digunakan bagi membantu kedua-dua tanah jajahan British yang kurang berada itu.

KESETIAKAWANAN MELAYU

Sultan merasa sangsi dengan idea Persekutuan Borneo British kerana pengabungan akan menyebabkan Brunei terpaksa mengagihkan kekayaan Brunei kepada Sarawak dan Borneo Utara. Sementelahan pula persatuan dengan persatuan negeri-negeri Sarawak dan Borneo Utara itu akan membawa kepada penguasaan orang-orang Cina dalam politik di Brunei. Sedangkan percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu akan bermakna 'kesetiakawanan Melayu' di rantau ini dapat diwujudkan dan sekaligus meningkatkan kedudukan Brunei sebagai negeri 'protectorate' kepada sebuah negeri yang merdeka.

Tanda-tanda ke arah kerjasama yang erat itu kelihatan bila Masjid Omar Ali Saifuddin dibuka pada bulan September 1958. Pembukaan rasmi ini dihadiri oleh raja-raja Melayu, dan pemimpin-pemimpin politik ternama Dato' Abdul Razak. Ini diikuti dengan penghantaran perwakilan Persekutuan Tanah Melayu yang diketuai oleh Menteri Kewangan Sir Henry Haushak Lee, Menteri Pertahanan Dato' Abd. Razak Hussein bagi merundingkan pinjaman sebanyak \$100 juta. Pinjaman ini diluluskan oleh Majlis Negeri Brunei pada 20hb. November 1958. Pada tahun 1959 kelihatan pertukaran lawatan raja-raja dan pemimpin-pemimpin di antara Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei. Misalnya pada Julai 1959 Yang Di Pertuan Agung melawat Brunei. Dalam mengalun-alukan keberangkatan tiba Yang Di Pertuan Agung Sultan dan Kerajaan Brunei menyatakan keinginan mereka supaya hubungan persahabatan yang telah sedia ada di kalangan mereka akan menjadi berkekalan. Kedua-dua ketua kerajaan itu amat bersetuju akan perlunya diadakan hubungan yang erat diantara kedua-dua negara Islam itu.

Sebagai seorang Sultan dan pemerintah yang bijaksana Sultan amat prihatin tentang status Brunei dan identiti Brunei sebagai "a separate kingdom". Sultan amat peka tentang keunikian kedudukan Brunei ini dan menyebabkan baginda berusaha merundingkan Perlembagaan baru bagi Brunei. Perlembagaan itu sekaligus memberi kerajaan bersendiri bagi hal ehwal dalam negeri Brunei. Dengan perlembagaan baru itu Brunei akan dapat berusaha sendiri bagi menentukan nasib masa depan negeri dan rakyatnya.

Penglibatan pegawai-pegawai kanan PTM dalam pentadbiran Brunei tertera selepas penarikan Perjanjian tahun 1948 dengan Sarawak. Selepas pemashuran Perlembagaan 1959 Brunei berpendapat untuk kepentingan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi meminjamkan pegawai tadbir kanannya untuk membantu membangunkan pentadbiran Brunei disamping melatih rakyat Brunei sendiri dalam pentadbiran. Oleh itu dalam

masa hampir lima tahun (1959-1963) kelihatan ramai pegawai-pegawai kanan dan juga pegawai-pegawai biasa termasuk termasuk guru-guru berkhidmat secara dipinjamkan atau secara kontrak dengan kerajaan Brunei.

Menurut *Pelita Brunei* 6hb. Mei, 1959 kecenderungan Brunei berpaling kepada Persekutuan Tanah Melayu adalah satu perkara yang semulajadi kerana rakyat kedua buah negeri itu mempunyai satu bahasa, agama, keturunan dan kebudayaan. Oleh itu perasaan saling mengerti dan bersefahaman akan timbul dengan sendirinya dan menyenangkan anak-anak negeri menerima panduan yang akan diberi oleh pegawai-pegawai Persekutuan Tanah Melayu. Justeru itu seawal-awal tahun 1959 kelihatan pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu turut memainkan peranan menjadi Peguam Penasihat kepada Sultan dalam rundingan Perlembagaan 1959 di London. Pegawai tersebut ialah Allahyarham Dato Panglima Bukit Gantang Hj. Abd. Wahab.²² Turut serta dalam perwakilan Brunei ke London itu ialah dua orang lagi pegawai Persekutuan Tanah Melayu iaitu Zainal Abidin b. Abdul Wahid (kini Prof. Datuk) sebagai jurubahasa Sultan dan Zain Azrai (kini Tan Sri) sebagai Pegawai protokol. Dalam proses merangka perlembagaan baru selepas itu Sultan telah melantik seorang lagi pegawai undang-undang dari Persekutuan Tanah Melayu menjadi penasihat undang-undang baginda. Pegawai yang dimaksudkan ialah Suffian Hj. Hashim (kini Tun), Solicitor General Persekutuan Tanah Melayu. Beliau dipinjamkan ke Brunei selama empat bulan khusus untuk menggubal Perlembagaan 1959 bersama-sama dengan seorang lagi penasihat undang-undang dari Britain, J. Mitchell.²³

Ekoran daripada pemasyhoran Perlembagaan 1959, Sultan telah membuat ketetapan mengambil pegawai-pegawai dari Persekutuan Tanah Melayu untuk memenuhi jawatan-jawatan penting seperti Peguam Negara, Pegawai Perubatan Negeri, Pegawai Pelajaran Negeri, Juru Ukur Negeri, Pegawai Hutan Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri dan Setiausaha Negeri. Sultan berhak membuat perlantikan pegawai-pegawai penting ini berdasarkan perjanjian mengenai pegawai-pegawai seberang laut yang berkhidmat di Brunei iaitu Perjanjian Pegawai-pegawai Seberang Laut Baginda Queen. Perjanjian mensyaratkan bahawa Setiausaha Tanah Jajahan British hanya mencadangkan pegawai yang layak berkhidmat di Brunei. Tetapi mereka hendaklah dilantik oleh Sultan. Sekiranya baginda berhajat hendak melantik pegawai-pegawai yang bukan pegawai British, nama-nama mereka akan disampaikan kepada Setiausaha Tanah Jajahan dan mestilah mendapat persetujuannya.²⁴ Dalam hal ini Sultan memang telah memikirkan untuk meminjam pegawai-pegawai kanan dari Persekutuan Tanah Melayu memandangkan pegawai-pegawai ini akan lebih memahami kehendak dan cita-cita rakyat Brunei. Lebih-lebih lagi kebanyakan rakyat Brunei ketika itu hanya "mengerti bahasa Melayu sahaja."²⁵ Selanjutnya *Pelita Brunei* menegaskan: "Kekayaan Brunei belum memberi faedah secukupnya kepada rakyat kerana negeri ini masih lagi kekurangan pegawai-pegawai yang

bijak dan pandai menguruskan pentadbiran dan teknik untuk perkembangan negara.”²⁶

Brunei memang boleh dan mampu mendatangkan pegawai-pegawai yang lebih cekap dan lebih pintar dari pegawai-pegawai Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi pegawai-pegawai itu tidak akan disenangi dan difahami oleh rakyat yang mengerti hanya bahasa Melayu sahaja. Oleh itu adalah dirasakan pegawai-pegawai yang didatangkan dari negeri yang sudah mencapai kemerdekaan tetapi seketurunan, seagama, satu kebudayaan dan satu bahasa itu dianggap bersesuaian dan dapat memenuhi dan memahami kehendak negeri dan rakyat Brunei. Justeru kerana itu pegawai-pegawai Melayu dari Persekutuan Tanah Melayu akan dapat memenuhi cita-cita dan kehendak Kerajaan dan rakyat Brunei.

Pengambilan pegawai-pegawai dari Persekutuan Tanah Melayu itu bukanlah semata-mata kerana soal “sedarah sedaging” sahaja. Tetapi seperti ternyata dalam titah Sultan semasa membuat lawatan ke Tanah Melayu pada bulan April 1959 dulu;

Saya telah dapat memerhatikan berbagai-bagai perkara yang berkebajikan yang akan menjadi tauladan kepada kita yang telah diperbuat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan saya berharap semasa kita di negara Brunei ini pun akan dapat berikhtiar dengan sedaya upaya kita mengatori dan memperbaiki keadaan masyarakat untuk kebajikan dan kemakmoran rakyat jelata di negeri ini.²⁷

Selain itu baginda juga tertarik dengan usaha Persekutuan Tanah Melayu mengembangkan pelajaran, Bahasa Melayu, Agama Islam dan Syarikat Kerjasama. Dalam Mengalu-alukan lawatan Baginda Sultan, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Dato Abdul Razak mengatakan Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu mempunyai perhubungan persaudaraan yang rapat dari zaman berzaman. Beliau percaya perlembagaan baru itu akan memberi Brunei atau corak pemerintahan yang dicita-citakan oleh Sultan dan rakyat dan Persekutuan Tanah Melayu akan bersedia memberi apa juga bantuan yang dikehendaki oleh Brunei untuk membangunkan negeri itu.

Sebagai sebuah negeri yang mengamalkan pemerintahan demokrasi serta raja berpelembagaan maka proses pemerintahan di Persekutuan menjadi contoh yang baik kepada Brunei. Sehubungan dengan itu selepas perlembagaan baru dikuatkuaskan maka pola pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu akan terus diterapkan dalam pentadbiran Brunei.

Kumpulan pertama pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu yang dipinjamkan ke Brunei terdiri daripada Setiausaha Negeri Wan Ahmad Wan Omar, peguam Negara Ali Hassan, Pegawai Perubatan Negeri Abdul Wahab Ariff (kini Datuk Paduka), Pegawai Pelajaran Negeri Idris Babjee, Jurukur Negeri Sulaiman Mohd. Amin, Pesuruhjaya Tanah Brunei Mahyuddin M. Zain, Setiausaha Kemajuan Negeri Saad Marzuki, Pegawai Perjawatan Shariff Hassan, Penasihat Pilihanraya Yusof Hj. Osman dan Pegawai Hutan

Negeri Yakin Mohd. Long. Kesemua pegawai-pegawai ini di samping pegawai-pegawai kontrak Persekutuan Tanah Melayu datang bertugas di Brunei dengan hasrat untuk membantu membangunkan negeri Brunei dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Seperti yang ditegaskan oleh Peguam Negara Ali Hassan dan penggantinya Abd. Aziz Zain (kini Tan Sri) bahawa pegawai-pegawai yang dipinjamkan ini akan menarik diri sebaik sahaj pegawai-pegawai tempatan layak memegang jawatan mereka.²⁸ Selanjutnya Peguam Ali menyatakan mereka datang bukan hendak menunjuk pandai tetapi mereka datang dengan azam untuk "membuat sesuatu pekerjaan mengikut cara-cara yang dijalankan di Persekutuan Tanah Melayu". Mereka sedar mereka tidaklah sepadai pegawai *expatriate* Eropah, tetapi mereka orang Melayu yang mempunyai "semangat kebangsaan yang sama dan tentulah faham akan cita-cita anak negeri Brunei dan lebih merandang berat akan segala kesulitan mereka."²⁹

Pada peringkat awal pentadbiran pegawai-pegawai ini di Brunei, sambutan adalah menggalakkan lebih-lebih lagi dikalangan pemerintahan dan Sultan sendiri. Dalam titah Tahniah baginda pada hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu Sultan mengatakan baginda tidak ragu-ragu bahawa perkhidmatan pegawai-pegawai Persekutuan Tanah Melayu sama ada yang sudah dan sedang berkhidmat menyumbangkan tenaga dan fikiran mereka dengan ikhlas. Baginda percaya,

Tuan-tuan akan sentiasa meneruskan jasa baik tuan-tuan itu semoga dengan bantuan dan kerjasama tuan-tuan negara Brunei akan lebih-lebih lagi beroleh kemajuan dalam menuju jalan yang sedang diharungi bagi mencapai maksud perjalanan yang dikehendaki oleh rakyat Brunei.³⁰

SIKAP RAKYAT BRUNEI TERHADAP ORANG PTM

Kehadiran pegawai-pegawai ini selepas setahun di Brunei tidak disenangi oleh setengah-setengah rakyat yang menganggap kedatangan mereka sebagai "penjajah dalam bentuk baru". Tentangan-tentangan ini dilahirkan melalui akhbar-akhbar tempatan dan juga dalam bentuk fizikal. Kritikan-kritikan awal menunjukkan rasa tidak senang orang-orang tempatan terhadap pegawai-pegawai Persekutuan Tanah Melayu yang memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan. Sedangkan kedatangan pegawai-pegawai itu hanya sebagai "pegawai pinjaman" sehingga terdapat pegawai-pegawai tempatan yang layak untuk memegang jawatan-jawatan tersebut. Seperti dibicarakan dalam bahagian awal kertas ini tingkat pendidikan yang diberikan oleh penjajah British sebelum tahun 1950-an adalah rendah dan kurang mampu membekalkan rakyat Brunei meningkatkan pelajaran keperingkat tinggi dan sekaligus membolehkan mereka memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Penjajah British tidak memberi peluang kepada anak-anak tempatan dilatih memikul tanggungjawab-tanggungjawab penting dalam pentadbiran. Dengan demikian Brunei akan

sentiasa terpaksa bergantung kepada pegawai-pegawai expatriate British. Untuk mengelakkan pergantungan yang terus menerus inilah maka Baginda Sultan "meminjam" pegawai-pegawai Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi tindakan ini dan keikhlasan Persekutuan Tanah Melayu itu disalahertikan oleh pihak-pihak tertentu di Brunei. Seorang penulis dalam *The Borneo Bulletin*, 16 Julai 1960 misalnya menuduh Tunku Abd. Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu sebagai seorang "penjajah" yang berhasrat untuk meluaskan kuasa dan empatayarnya di Brunei. Penghantaran pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu itu dianggap sebagai langkah pertama ke arah penguasaan Persekutuan Tanah Melayu ke atas Brunei dan langkah akhir untuk menelan Brunei ialah dengan cara "federasi".

Sebagai menjawab kritikan-kritikan seperti itu seorang penulis PTM di Brunei antara lain menyatakan, kehadiran pegawai-pegawai PTM di Brunei itu, ialah hasil dari permintaan kerajaan Brunei, "Malaya is desirous in helping Brunei not only in 'lending' its people but in other ways as well."³¹

Penulis berpendapat kritikan-kritikan yang negatif ini adalah kerana perasaan buruk sangka dan cemburu. Mereka lupa bahawa PTM juga menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada para guru dan anggota polis Brunei. Kemuncak daripada penentangan terhadap pegawai-pegawai PTM berlaku selepas kenyataan Tunku Abdul Rahman di London dan pengumuman Tunku mengenai gagasan Malaysia. Seorang pegawai kanan PTM, Yakin Mohd. Long telah dipukul oleh tiga orang rakyat Brunei, berkemungkinan ahli PRB dan berasal dari Labuan: Sheikh Nikman, Sheikh Osman dan Sheikh Mohamad. Perselisihan ini walaupun telah dapat diselesaikan tetapi selepas itu PRB sebagai suara rakyat terbesar terus menerus mentang dan menuduh setengah-setengah pegawai-pegawai PTM bersifat kolonial, angkuh dan bongkak.³² Berikutan dengan peristiwa itu seramai sepuluh orang pegawai dan 42 orang guru-guru PTM memohon untuk kembali kerana khawatir kedudukan keselamatan mereka tidak terjamin lagi.³³ Mengenai percekongan ini selain faktor salahfaham, prasangka dan kecemburuan dipihak setengah golongan rakyat Brunei, lebih-lebih lagi PRB yang amat menentang percantuman dengan Malaysia kerana sekiranya gagasan Malaysia terlaksana maka cita-cita Azahari dan PRB untuk menguasai politik Brunei akan terus gagal. Selain itu soal keangkuhan dan salah pengertian dari kalangan sebahagian kecil pegawai-pegawai PTM itu juga tidak dapat dinafikan.

Untuk menyelesaikan pertikaian itu Tunku telah mengahantar memorandum dan menyakinkan Baginda Sultan serta rakyat Brunei yang PTM tetap mahu memberi bantuan kepada Brunei. Usaha baik ini dimulakan dengan lawatan Yang Di Pertuan Agung ke Brunei pada bulan berikutnya. Semasa mengiringi Yang Di Pertuan Agung, Tunku telah mengambil kesempatan berucap di Radio Brunei bagi menerangkan lagi bahawa jawatan-jawatan penting yang dipegang oleh pegawai-pegawai PTM akan diserahkan semula kepada pegawai-pegawai

Brunei yang berkelayakan. Pegawai-pegawai PTM datang hanya sebagai pegawai yang dipinjamkan dan bukannya pegawai tetap.

Mengenai tuduhan PRB tentang cadangan Malaysia sebagai bentuk penjajahan bahru, Tunku mengatakan PTM tidak berniat menakluki negara-negara lain, apakah lagi negeri Brunei yang dianggap sedarah sedaging itu. Perkhidmatan pegawai-pegawai PTM itu sesungguhnya adalah semata-mata untuk menolong Brunei yang belum mempunyai pegawai-pegawai yang berkelayakan lagi.³⁴

Ekoran daripada perbincangan dengan pegawai-pegawai PTM dan kerajaan Brunei, maka mana-mana pegawai yang sudah tamat tempoh perkhidmatan dibenarkan pulang dan sekiranya ada yang ingin terus berkhidmat seperti guru-guru adalah digalakkan. Pegawai-pegawai pinjaman ini terus berkhidmat sehingga tertubuhnya Persekutuan Malaysia. Setelah Malaysia terbentuk maka tenaga pegawai-pegawai PTM sangat diperlukan di negari-negeri Sarawak dan Sabah. Baginda Sultan Brunei menyedari hakikat ini dan mengatakan, "With the formation of Malaysia and the consequent increase in government activities, it is not possible for such officers to be spared from their Malaysian duties".³⁵ Perkara ini ditegaskan lagi oleh Pembantu Menteri Pembangunan Negara PTM, Tuan Hj. Khalid Awang Osman:

Malayan Government officers, including teachers and police officers who are either on loan or seconded to the Brunei Government will shortly be withdrawn. They would be reassigned either to Sarawak or Sabah where police and other officers would be required to strengthen security and defence.³⁶

Sungguhpun kesemua pegawai-pegawai kanan dan setengah anggota polis dan guru ditarik balik, tetapi tidak dinafikan ada diantara pegawai yang datang secara bersendirian atau secara kontrak meneruskan perkhidmatan mereka di Brunei. Kehadiran mereka yang berterusan ini sedikit sebanyak dapat melanjutkan jalinan hubungan persahabatan diantara Brunei dan PTM (dan Malaysia kini). Sesungguhnya hakikat ini telah dapat sekurang-kurangnya melenyapkan perasaan buruk sangka dan cemburu. Malahan kelanjutan perkhidmatan pegawai-pegawai PTM itu diharap dapat memupuk persefahaman dan rasa kejiranian yang telah wujud sejak zaman berzaman.

Seperti dibincangkan dalam pendahuluan artikel ini, kajian ini ditulis berdasarkan empat tema. Tetapi tumpuan utama penulisan ini diberi kepada tema ketiga. Disamping faktor bahan dan kepentingan peranan pegawai-pegawai kanan PTM dalam pentadbiran awal Brunei selepas Perlembagaan 1959 dikuatkuasakan faktor reaksi masyarakat Brunei terhadap kehadiran pegawai-pegawai itu turut dibicarakan. Oleh sebab bahan-bahan untuk tema empat begitu berkurangan, maka penulis tidak mungkin membincangkan tema ini dengan lebih terperinci walaupun penulis sedar tentang keterlibatan dan kepentingan pasukan polis dan tentera PTM dalam memelihara dan menjamin keamanan

serta keselamatan di Brunei. Keterlibatan mereka dapat dilihat apabila pada bulan Jun 1961 atau pasukan regimen askar Melayu Brunei telah ditubuhkan dibawah bimbingan seorang pegawai tentera Persekutuan Tanah Melayu iaitu Lieut. Col. Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin. Pasukan ini ditempatkan di Pusat Latihan Port Dickson, Persekutuan Tanah Melayu. Sehingga tahun 1963 terdapat seramai empat orang pegawai tentera dan 386 askar telah terlatih di sini. Sementara 13 orang lagi pegawai dan 495 askar sedang menjalani latihan mereka di pusat latihan Port Dickson.³⁷ Diharap kajian mengenai aspek ini akan ditinjau dengan lebih lanjut dalam kajian-kajian kemudiannya.

KESIMPULAN

Dalam membicarakan tentang orang-orang Persekutuan Tanah Melayu di Brunei, kita tidak boleh menafikan sumbangan mereka dalam dua aspek penting iaitu pendidikan dan pentadbiran. Meskipun sumbangan mereka dalam pendidikan sudah nyata sejak Brunei menerima Residen British namun sumbangan yang menonjol jelas kelihatan pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III. Lebih-lebih lagi pada tahun-tahun 1950-an hingga tahun 1963. Manakala sumbangan mereka dalam memantapkan pentadbiran jelas kelihatan sempena penguatkuasaan Perlembagaan 1959. Sumbangsih ini amat bererti dalam sejarah hubungan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu. Mulai saat itu boleh dikatakan majoriti jabatan-jabatan kerajaan diletakkan di bawah pengawasan pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu yang dipinjamkan. Peminjaman pegawai-pegawai itu bukanlah bermakna kedudukan Brunei dianggap lebih 'inferior' atau di atas niat penjajahan. Peminjaman pegawai-pegawai itu malah wujud di atas jalinan hubungan kerjasama yang ikhlas diantara Kerajaan DYMM Sultan Brunei dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang terus berjalan dari tahun 1959 sehingga tahun 1963. Dasar kerjasama itu terbantut selepas Persekutuan Malaysia terbentuk dan Brunei tidak turut serta dalam Persekutuan itu. Walaupun demikian selepas tarikh itu masih terdapat guru-guru agama, Melayu dan Inggeris, juga pegawai-pegawai pentadbiran yang terus berkhidmat di Brunei. Kehadiran mereka ini sekurang-kurangnya dapat memanjangkan terus silaturahim diantara kedua-dua negara dan sekaligus melenyapkan perasaan buruk sangka diantara satu sama lain.

¹ D.S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*, OUP, Singapore, 1984.

² A.V.M. Horton, *The British Residency in Brunei, 1906-1959*, The University of Hull, Centre for Southeast Asian Studies, Occasional paper No. 6, 1984.

³ *State of Brunei, Annual Reports 1950-1963*.

⁴ Sabullah Hj. Hakip, "Brunei Menuju Kemerdekaan", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia 1984/1985.

⁵ Hashim Haji Abd. Hamid, "Brunei Darussalam: Proses Pembinaan Bangsa berdasarkan Konsep Melayu Islam Beraja", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1988.

⁶ Mohd. Husaini Abdullah, "Sejarah Penglibatan orang-orang Melayu Dalam Aktiviti Ekonomi di Brunei, 1946-1963", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988/1989.

⁷ Zaini (Hj.) Hj. Ahmad, "Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei, 1939-1962", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1963.

⁸ *The Borneo Bulletin*, 1959-1963.

⁹ *Pelita Brunei*, 1959-1960.

¹⁰ Interview dengan Y. Bhg. Tan Sri Hj. Abd. Aziz Zain bekas Peguam Negara Brunei pada 19 Julai 1989 di Kuala Lumpur, Prof. Datuk Zainal Abidin b. Abd. Wahid pada Julai 1989 di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Cikgu Hussain Yaakub, bekas guru di sekolah Arab Hasanul Bolkiah pada 26 Julai 1989 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

¹¹ Keterangan melalui surat menyurat dengan:

- a) YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Hj. Ismail bin Omar Abdul Aziz;
- b) Sdr. Jaafar b. Muhammad Sab;
- c) Sdr. Mohd. Zain Ariff b. Hj. Ahmad Ariff.

¹² Rahmat Saripan, "Rancangan menubuhkan Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Brunei serta pengambilan Guru-guru Agama dari Johor, 1954-1956", typescript belum diterbitkan.

¹³ *The Borneo Bulletin*, 8 Julai 1961 dan surat Setiausaha bagi Tanah-tanah Jajahan kepada Baginda Sultan, 29 Julai 1960 dalam simpanan anonymous.

¹⁴ *State of Brunei Annual Report*, 1958, 1960, hal 66 dan 65 dan *Pelita Brunei*, 2.12.1959

¹⁵ *Pelita Brunei*, 1.1.1959

¹⁶ Rahmat Saripan, "Pemerhatian Dua Pegawai Agama Johor terhadap Pelajaran Agama di sekolah-sekolah Melayu Brunei 1950-an", typescript, tidak diterbitkan.

¹⁷ Kesemua fakta-fakta ini diperolehi dari rencana Rahmat Saripan mengenai, "Rancangan Menubuhkan Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Brunei", *passim*.

¹⁸ Surat YDM Pehin Datu Seri kepada penulis pada Julai 1989.

¹⁹ *Annual Report, State of Brunei Annual Report 1967*, pp. 346-347.

²⁰ *Pelita Brunei*, 29 September, 1959.

²¹ D.S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983*, h. 140.

²² *Borneo Bulletin*, 24 Januari 1959.

²³ *Pelita Brunei*, 2 September 1959.

²⁴ *Pelita Brunei*, 29 September, 1959.

²⁵ *Pelita Brunei*, 29 September, 1959.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ *Pelita Brunei*, 6 Mei, 1959.

²⁸ *Pelita Brunei*, 19 April, 1960 dan interview dengan Tan Sri Aziz pada 19 Julai 1989 di Kuala Lumpur.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Pelita Brunei*, 16 September 1959.

³¹ *The Borneo Bulletin*, 30 Julai 1960.

³² *Ibid.*, 1 Julai 1961.

³³ *Ibid.*, 24 Jun 1961.

³⁴ Interview dengan Tan Sri Aziz Zain, 19 Julai, 1989.

³⁵ *The Borneo Bulletin*, 21 December, 1963.

³⁶ *The Borneo Bulletin*, 26 Oktober 1963.

³⁷ *State of Brunei Annual Report 1963*, h. 161.